Takrif Bumiputera belum boleh dipinda

DATUK MUSA HITAM

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, berkata masanya belum tiba untuk meminda takrif Bumiputera supaya meliputi semua rakyat yang dilahirkan di negara ini.

Katanya, skim Amanah Saham Nasional (ASN) diwujudkan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang pemilikan saham.

"Hakikat bahawa Bumiputera masih ketinggalan di bidang ekonomi diterima oleh semua pihak. Sayugia ditegaskan bahawa skim ASN diwujudkan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang pemilikan saham.

"Oleh itu, masanya belum tiba bagi kerajaan untuk menimbangkan syor ahli yang berhormat itu," jelasnya ketika menjawab pertanyaan tambahan anggota DAP Kota Melaka, Encik Lim Kit Siang, di Dewan Rakyat semalam.

Ketua pembangkang itu bertanya sama ada kerajaan bercadang meminda takrif Bumiputera supaya meliputi semua rakyat yang dilahirkan di negara ini demi perpaduan nasional.

Kepada pertanyaan anggota Hamim Rantau Panjang, Encik Hassan Mohamad, Datuk Musa berkata, takrif Bumiputera adalah jelas dalam perlembagaan.

Oleh itu, mereka yang ditakrifkan sebagai Bumiputera layak melabur dalam ASN, tambahnya.

Menjawab soalan lain dari Encik Lim, Timbalan Perdana Menteri berkata, salah satu ciri yang dikenalpasti oleh pihak ASN mengenai taraf kerakyatan warganegara Malaysia keturunan Thai yang bermastautin di Kedah, Perlis dan Kelantan ialah hak mereka untuk memiliki Tanah Simpanan Melayu.

Kepada soalan asal Dr Koh Tsu Koon (BN-Tanjung), beliau mengakui bahawa skim ASN boleh disertai oleh warganegara Malaysia keturunan Thai.

"Ini ialah disebabkan mereka mempunyai ciri-ciri Bumiputera.

"Oleh kerana ASN dimaksudkan untuk Bumiputera, maka ASN tiada rancangan untuk memperluaskan skimnya bagi warganegara bukan-Bumiputera," jelasnya.

Datuk Musa juga berkata, jurang perbezaan yang wujud antara golongan kaya dan miskin di negara ini tidak bermakna "kita telah gagal dalam usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB)".

Sebaliknya, menurut beliau, kemajuan yang menggalakkan dicapai dalam dekad pertama DEB, iaitu dari tahun 1970 hingga 1980.

Kadar kemiskinan berasaskan kepada pendapatan garis kemiskinan yang mutlak berkurangan dari 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 29.2 peratus dalam tahun 1980, katanya ketika menjawab pertanyaan anggota DAP Sandakan, Encik Fung Ket Wing.

"Tetapi, dalam menilai dan membuat kesimpulan berkenaan dengan tahap kemiskinan, kita perlu mengetahui konsep kemiskinan itu sendiri oleh kerana konsep ini mempunyai takrif yang berlainan kepada lain-lain orang dan lain-lain negeri.

"Di Malaysia, kita tidak mempunyai kemiskinan mutlak yang menyebabkan keadaan kelaparan dan kebuluran yang berterusan seperti yang berlaku di setengah-setengah negara membangun.

"Dalam negara-negara ini, sebagaimana yang dikatahui, ada kemiskinan mutlak yang membawa kepada kehilangan nyawa," jelasnya.

Datuk Musa berkata, kerajaan lebih menekankan soal kemiskinan yang relatif iaitu mengenai jurang perbezaan antara golongan berpendapatan rendah dan golongan berpendapatan tinggi di negara ini.

Sehubungan ini, jelasnya, isi rumah adalah miskin berbanding dengan tahap kehidupan yang ada pada ketika ini yang biasanya diukur mengikut tingkat pendapatan perkapita negara ini.

Jelasnya, apa yang perlu ialah meningkatkan dengan lebih cepat lagi pendapatan golongan berpendapatan rendah supaya dapat mengurangkan kemiskinan di negara ini.

"Oleh yang demikian, kemajuan dalam peningkatan pendapatan isi rumah ini hendaklah sentiasa dikesan," tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jurang perbezaan antara kumpulan-kumpula sosio-ekonomi akan tetap ada dan ini adalah satu hakikat yang diterima oleh semua pihak.

"Jurang perbezaan ini wujud oleh kerana sistem pentadbiran negara ini mengamalkan sistem "free enterprise" yang berasaskan keupayaan bekerja kuat dan persaingan.

Kadar tarif kita tidak tinggi

MENTERI Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, menjelaskan kadar tenaga atau tarif bagi pengguna-pengguna di negara ini tidak tinggi berbanding dengan negara-negara serantau.

Dalam jawapan bertulis kepada soalan Encik Yew Foo Weng (BN-Menglembu) di Dewan Rakyat semalam, beliau berkata Indonesia, Singapura dan Filipina adalah antara negara yang mengenakan kadar tarif tertinggi.

"Harga purata bagi tarif industri voltan rendah dan industri voltan tinggi adalah antara 19.4 sen dan 23 sen seunit," katanya.

Di samping itu, tambahnya, beberapa langkah telah diambil untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri di negara ini.

"Kerajaan memberi pengecualian bagi bayaran maksimum sebanyak $120 sekilowatt bagi industri yang menggunakan tenaga elektrik mulai jam 7 malam hingga 7 pagi."

Dr Hamid dipilih ganti Speaker

ANGGOTA BN Anau, Dr Abdul Hamid Pawanteh, semalam mempengerusikan sidang Dewan Rakyat ketika dewan menyambung semula perbahasan mengenai rang undang-undang Taman Negara (Pindaan) 1983.

Di bawah Seksyen 7 (3) Peraturan Mesyuarat, Yang Dipertua pada bila-bila masa boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan mesyuarat itu buat sementara waktu tanpa memberitahu majlis mesyuarat.

Ahli yang mempengerusikan mesyuarat itu mempunyai kuasa yang sama dengan Yang Dipertua sehingga Yang Dipertua mempengerusikan semula mesyuarat.

Anggota BN Ayer Hitam, Datuk Dr Hee Tien Lai, Isnin lalu meletakkan jawatan Timbalan Speaker Dewan Rakyat.

Dr Hamid mengambil tempat Speaker bila Datuk Mohd Zahir berehat seketika.

PENUBUHAN INSTITUT UNTUK LATIH BELIA DIRANCANG

SETIAUSAHA Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Mustaffa Mohamad, berkata kerajaan sedang menjalankan kajian lanjut mengenai cadangan menubuhkan sebuah institut untuk melatih belia di bidang perniagaan.

Menjawab pertanyaan anggota BN Tenggaruh, Encik Khadri Sabran, di Dewan Rakyat semalam, beliau menjelaskan penubuhan institut itu masih dalam peringkat cadangan.

"Penubuhan institut ini masih dalam peringkat cadangan sahaja dan kajian mendalam sedang dijalankan.

"Kementerian saya memikirkan bahawa penubuhan institut ini yang bertujuan memberi dorongan, latihan dan bimbingan akan dapat membantu usaha kementerian saya menambah bilangan belia dalam perniagaan.

"Ia juga bertujuan meningkatkan lagi kejayaan projek belia niaga yang sedang berjalan," katanya.

Menurutnya, penubuhan institut itu dijangka tidak akan melibatkan pengubahsuaian kaedah mendapatkan kemudahan sumber modal melalui rancangan belia niaga dan belia peladang.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Projek 243 sekolah akan disambung bila ekonomi pulih

PROJEK pembinaan 243 buah sekolah yang telah ditunda kerana kemelesetan ekonomi akan diteruskan sebaik sahaja keadaan ekonomi negara pulih.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Khalil Yaakob, memberitahu sidang Dewan Rakyat semalam bahawa pembinaan sekolah-sekolah itu terpaksa ditunda walaupun tender telah diberikan.

Sambil menganggap tindakan itu tidak meninggalkan kesan yang buruk seperti yang disoal oleh Encik Mamat Ghazalee Abdul Rahman (BN-Kuala Nerus), beliau berkata beberapa langkah telah diambil.

"Setakat ini projek seperti pembinaan kelas-kelas tambahan secara kilat dan harga yang murah dengan menggunakan sistem pasang sedang giat diusahakan," katanya.

Kata beliau, projek pembinaan sekolah-sekolah yang terpaksa ditunda itu bertujuan memenuhi rancangan satu sessi sahaja untuk pelajar-pelajar.

DATUK KHALIL YAAKOB

Tetapi, kerana kemelesetan ekonomi, sekolah-sekolah digalakkan mengadakan kelas dua sessi, iaitu sessi pagi dan petang," tambahnya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan Encik Ling Sie Ming (DAP-Bandar Sibu), Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Tan Tiong Hong, memberitahu rancangan makanan tambahan di sekolah rendah bagi tahun ini juga terpaksa dihentikan.

"Langkah itu perlu untuk membolehkan Kementerian Pelajaran menjalankan satu kajian tentang rancangan itu bagi menentukan kekesanan perlaksanaannya," ujar beliau.

Antara lain ialah untuk membolehkan kementerian itu merancang satu strategi baru dalam perlaksanaannya, mengambil tindakan berjimat-cermat yang sewajarnya dan memastikan bahawa kanak-kanak yang diberi keutamaan dari segi masalah pemakanan akan diberi makanan tambahan.

Tambahnya, kementerian juga sedang mengambil langkah-langkah untuk meneruskan makanan tambahan di sekolah-sekolah rendah pada penggal tiga persekolahan tahun ini dengan menggunakan strategi baru.

112,525 rumah lagi siap sebelum akhir —RM4—

SEBANYAK 112,525 unit rumah lagi dijangka dapat disiapkan menjelang berakhirnya Rancangan Malaysia Keempat, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Daripada jumlah itu, 24,282 Unit (14.9 peratus) di peringkat pembinaan dan 88,243 unit di peringkat awal perancangan dan pemanggilan tender.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Neo Yee Pan dalam jawapan bertulis kepada soalan Encik Peter Gan Goon (BN-Ipoh) berkata, 16,362 unit telah selesai.

"Walaupun matlamat rancangan perumahan itu tidak tercapai sepenuhnya, pencapaian dari segi peratus adalah menggalakkan memandangkan bahawa negara sedang menghalmi kesan-kesan kemelesetan ekonomi," jelas beliau.

"Kedudukan ini dapat dipertahankan dengan beberapa tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan, umpamanya menggalakkan pemaju swasta membina lebih banyak rumah kos sederhana, dan mengadakan skim pinjaman khas bagi rumah yang berharga tidak lebih daripada $100,000."

Kementerian juga, jelasnya, membenarkan sebahagian daripada projek rumah kos rendah dilaksanakan secara turnkey.

"Sistem binaan perindustrian atau dengan menggunakan bahan pasang siap juga digalakkan untuk mempercepatkan pembinaan," ujar beliau.

Kerajaan Negeri, tegas beliau, juga digalakkan berunding dengan pemaju swasta untuk melaksanakan projek rumah kos rendah dengan pembiyaan kos projek melalui pinjaman dengan bank perdagangan.

Kerajaan kesan 34 projek rumah yang terbengkalai

KERAJAAN telah mengesan 34 projek perumahan yang terbengkalai di Semenanjung Malaysia sehingga 30 Jun lalu, demikian Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Napsiah Omar, memberitahu anggota BN Setapak, Encik Idris Basri, ketika soal-jawab, kementeriannya sedang mengambil tindakan untuk membaik-pulih projek-projek itu.

"Sehingga ini ada dua dari projek-projek itu telah siap setelah kementerian campurtangan.

"Lima lagi projek disambung semula, sembilan akan disambung semula pembinaannya tidak lama lagi," katanya.

Lain-lain projek masih dalam siasatan awal, tambah beliau.

Ketika menjawab pertanyaan tambahan anggota DAP Kuala Lumpur Bandar, Encik Lee Lam Thye, Puan Napsiah berkata, antara sebab-sebab terbengkalainya projek-projek itu ialah kerana kontraktor kurang berpengalaman, masalah kewangan dan sistem perparitan yang tidak sempurna.

"Ada juga masalah yang mudah diatasi, tetapi kementerian saya tidak boleh campurtangan dalam soal pertukaran pengurusan sesebuah syarikat itu," jelasnya.

Kepada pertanyaan anggota BN Menglembu, Encik Yew Foo Weng, Puan Napsiah berkata, 2,946 pembeli terbabit dalam projek-projek perumahan yang terbengkalai itu.

Dewan kemudian gamat sedikit bila anggota Parti Hisbulmuslimin (Hamim) Rantau Panjang, Encik Hassan Mohamad, bertanyakan sebab rumah yang mudah siap di pinggir jalan tidak dikuduki orang.

"Tuan Yang Dipertua, soalan ini agak sukar untuk dijawab," kata Puan Napsiah disambut gelak ketawa anggota-anggota dewan.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Mohd Zahir Ismail, kemudian mencelah: "Soalan itu memang susah untuk dijawab...mungkin mereka sengaja tidak mahu tinggal situ."

Kita dah ada empat kilang penapis minyak

KERAJAAN tidak bercadang membina kilang-kilang penapis minyak baru dalam beberapa tahun lagi kerana sudah ada empat kilang itu sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk James Ongkili, memberitahu sidang Dewan Rakyat semalam, tiga buah kilang, iaitu dua di Port Dickson dan satu di Lutung, Sarawak, mampu menapis 52,513 tong minyak sehari.

Ketika menjawab soalan Encik Chan Kok Kit (DAP-Sungai Besi), beliau berkata sebuah lagi kilang di Melaka dijangka akan dapat menapis lebih kurang 120,000 tong minyak sehari.

Satu ketika, dewan menjadi gamat bila Encik Wan Mohd Najib Wan Mohamad (BN-Pasir Puteh) mencadangkan agar kilang itu dibina di kawasannya.

Anggota dewan itu mencadangkan demikian kerana ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang yang mewakili Kota Melaka bertanyakan kepada menteri berkenaan sama ada projek itu akan dibatalkan atau sebaliknya kerana ia masih belum dibina.

Menurut Datuk James ketika menjawab soalan Haji Mohd Zain Abdullah (Hamim-Bachok), purata pengeluaran minyak mentah bagi kawasan minyak perairan Semenanjung ialah 129,000 tong sehari, Sarawak 105,000 tong dan Sabah 69,000 tong sehari.

"Sementara itu, jumlah minyak mentah tempatan yang ditapis di kilang-kilang penapis minyak di negeri bagi tahun 1982 ialah 52,513 sehari," jelas beliau.

Katanya, Esso Port Dickson mampu mengeluarkan 10,239 tong minyak dengan keupayaan 42,000 tong, Shell PD 25,774 tong dengan keupayaan 90,000 tong dan Shell Lutung dengan keupayaan 45,000 tong sehari.

Galakan menternak

TIMBALAN Menteri Pertanian, Dr Goh Cheng Teik, mengumumkan kerajaan sentiasa memberi galakan kepada rancangan menternak lembu dan kambing di ladang-ladang seluruh negara.

4 kes pencemaran alam sekitar dihadapkan ke mahkamah Sabah

EMPAT kes pencemaran alam sekitar di Sabah dihadapkan ke mahkamah sejak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikuatkuasakan di negara ini, Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Encik Law Heing Ding, memberitahu anggota bebas Hilir Padas, Mohd Yusof Haji Yakob, kes-kes itu ialah:

- Sabah Palm Estate Palm Oil Mill Sdn. Bhd., Sandakan yang didapati bersalah kerana melepaskan buangan dengan kepekatan oksigan biokimia yang diperlukan (B.O.D.) yang berlebihan di Mahkamah Rendah Sandakan pada 24 Februari 1982 dan didenda $800.
- Kilang kelapa sawit Unipamol Sabah Ltd. yang didapati bersalah di Mahkamah Rendah Sandakan dan telah diberi amaran di bawah Seksyen 173 (A) Kanun Acara Jenayah pada 24 Februari 1982.
- Sabah Agricultural Development Palm Oil Mill Sdn. Bhd. yang didapati bersalah dan didenda sebanyak $3,000 di Mahkamah Rendah Semporna pada 28 April 1983 kerana menduduki dan menggunakan kawasan yang ditetapkan tanpa lesen.
- Syarikat Hock Lee Sawmill Sdn. Bhd. Kota Kinabalu yang didapati bersalah di Mahkamah Rendah Kota Kinabalu pada 1 Julai 1983 dan didenda $3,000 kerana membuat pembakaran terbuka tanpa lesen.